

AS perlu patuhi undang-undang jika mahu temubual rakyat Malaysia

UM - 4 SEP 2000
KUALA LUMPUR 3 Sept. — Amerika Syarikat (AS) perlu mematuhi undang-undang negara jika mahu menemubual seorang rakyat Malaysia berhubung kes melibatkan Zacarias Moussaoui yang sedang dibicarakan di negara itu kerana dituduh berkomploit dalam peristiwa 11 September.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, apa sahaja yang dilakukan oleh AS dalam perkara itu mesti berlandaskan undang-undang Malaysia.

Bagaimanapun, kata beliau, jika permohonan untuk proses temubual itu dibuat, individu yang diminta itu perlu melalui proses biasa ekstradisi.

"Apa jua yang mereka lakukan mestilah selaras dengan undang-undang negara.

"(Jika satu permohonan dibuat oleh AS) Ia akan melalui proses biasa ekstradisi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perucakian Nasional Kedua di Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Beliau mengulas satu laporan

edisi *Asian Wall Street Journal* (AWSJ) hari ini yang menyebut bahawa AS akan meminta kebenaran Malaysia untuk bercakap dengan Yazid Sufaat yang dianggap Washington boleh membantu siasatan terhadap kes Moussaoui.

AWSJ memetik seorang pegawai kanan Malaysia sebagai berkata Jabatan Kehakiman AS telah meminta ejen Biro Siasatan Persekutuan (FBI) dibenarkan untuk menyoal Yazid berkaitan hubungannya dengan Moussaoui.

Yazid, seorang bekas kapten tentera dan ahli perniagaan, kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana cuba menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Dia didakwa menerima Moussaoui sebagai tetamu semasa kunjungannya ke Malaysia pada September dan Oktober 2000.

Lapan bulan sebelum itu, dua perampas pesawat American Airlines yang merempuh Pentagon dalam peristiwa 11 September dikatakan tinggal di pangsupuri beliau dalam satu kunjungan ke Kuala Lumpur.